

PM raih pelaburan keseluruhan RM216.04 bilion

MASDAR bawa nilai paling besar RM37.8b bangunan projek tenaga

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia meraih pelaburan keseluruhan RM216.04 bilion hasil beberapa lawatan yang dilakukannya ke luar negara sejak beliau dilantik sebagai Perdana Menteri.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, lawatannya ke China pada 29 hingga 31 Mac lalu menjana nilai potensi pelaburan RM170.07 bilion termasuk pelaburan daripada syarikat automotif, Geely.

"Lawatan kerja saya ke New York pula membawa pelaburan berpotensi sebanyak RM4.74 bilion kepada Malaysia. Saya telah memanfaatkan lawatan itu sebaik mungkin melalui sesi libat urus bersama syarikat gergasi AS yang juga sumber pelaburan asing utama bagi Malaysia.

"Antaranya adalah Syarikat Google, Boeing, Medtronic dan Siemens Healthineers dan Alton Industry Ltd. Group," katanya ketika menjawab soalan Tan Kar Hing (PH-Gopeng) ketika Waktu

Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Terbaru Perdana Menteri berkata lawatan rasmi dua hari beliau ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada minggu lalu membawa pelaburan komited RM40.6 bilion untuk Malaysia membabitkan sektor tenaga boleh diperbaharui, logistik dan aeroangkasa.

"Pelaburan terbesar adalah daripada MASDAR iaitu pembangunan projek tenaga boleh dibaharui di Malaysia dengan kapasiti sehingga 10 gigawatt (GW) bernilai RM37.8 bilion.

"Selain itu, pelaburan komited berjumlah RM2.1 bilion adalah dalam sektor logistik dan RM709.1 juta bagi sektor aeroangkasa," katanya.

Untuk rekod, Anwar melaku-



Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dalam pembinaan.

(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

kan 17 lawatan ke luar negara sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada November tahun lalu.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (WARISAN-Semporna) memaklumkan sudah mengarahkan pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah disegerakan, mengambil kira kemajuannya yang amat perlahan berbanding di Sarawak.

Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dimulakan Julai 2016 membabitkan 35 pakej kerja sepanjang 706 kilometer (km) yang bermula dari sempadan Sabah dan Sarawak di Sindumin hingga

ke Tawau.

Ogos lalu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memaklumkan, Fasa 1 projek itu membabitkan 15 pakej kerja berada pada tahap 82 peratus pembinaan dan dijadual siap sepenuhnya Januari 2025.

Mengenai isu berkaitan bekalan air Sabah, Perdana Menteri berkata, masih ada perundingan khas dengan Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor untuk menangani masalah itu kerana beberapa kawasan menghadapi masalah yang agak serius.

Perdana Menteri turut mengakui Malaysia agak lewat dalam pembangunan dan naik taraf prasarana di sempadan Sabah serta Sarawak dengan Kalimantan di Indonesia, berbanding yang dilaksanakan di negara jiran itu.